

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' DR. HASAN BIN BAHROM
KAWASAN : TAMPIN

SOALAN :

YB DATO' DR. HASAN BIN BAHROM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perincian Standard Perumahan Kebangsaan yang telah dikemaskini dalam CIS 26 yang baru dilancarkan

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian **Standard Industri Pembinaan CIS 26:2019 Standard Perumahan Kebangsaan** adalah seperti berikut:

1. Standard Perumahan Kebangsaan atau ringkasnya CIS 26 merupakan kemaskini daripada Standard Perumahan Kebangsaan yang telah diterbitkan pada tahun 1998 dan 2005.
2. Standard ini memberi piawaian minimum dalam penyediaan perumahan berkualiti di Malaysia dan memberi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam merancang, mereka bentuk dan membina projek-projek perumahan di Malaysia.
3. Objektif Standard komprehensif ini adalah:
 - (a) Menekankan pembangunan perumahan yang mampan, berdaya huni dan inklusif bagi meningkatkan kualiti hidup pada harga yang mampu dimiliki rakyat.
 - (b) Mewujudkan keseragaman dalam pembangunan perumahan;
 - (c) Membantu pihak-pihak sektor awam dan swasta yang terlibat mempercepatkan proses perancangan dan penyediaan pelan bagi projek perumahan;
 - (d) Memudah dan mempercepatkan proses kelulusan pelan-pelan yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan;

(e) Membantu mengurangkan kos pembangunan projek perumahan tanpa menjejaskan kualiti rumah dan kemudahan fizikal serta kualiti alam persekitaran perumahan; dan

(f) Menerapkan penggunaan teknologi terkini dan amalan terbaik dalam reka bentuk pembinaan perumahan bagi menjamin kecekapan kos pembinaan.

4. Standard ini juga terpakai kepada perumahan mampu milik bertanah dan bertingkat yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta. Ianya memberi fokus kepada konsep perumahan mampu milik yang mampan bagi mencapai matlamat dan visi selaras dengan Dasar Perumahan Negara (DRN). Penentuan definisi rumah mampu milik merujuk kepada dasar yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kerajaan Negeri dari masa ke semasa. Ini termasuklah dari segi penentuan harga jualan rumah, lokasi, kepadatan rumah, jenis rumah, saiz ruang lantai, bilangan bilik, kemas, bilangan tempat letak kereta dan kemudahan lain.

5. Asas penentuan standard ini mengambilkira 5 parameter iaitu Perancangan reka bentuk, Kemudahan masyarakat, Kemudahan perkhidmatan perlu, Keselesaan dan keselamatan serta Pembangunan mampan

6. Standard ini merangkumi 3 bahagian iaitu:

(a) Bahagian 1:Standard Perancangan - meliputi penekanan kepada standard-standard yang perlu dipatuhi untuk perancangan kawasan perumahan bagi menghasilkan susun atur tapak yang cekap, selesa dan selamat demi kesejahteraan penghuninya. Ianya hendaklah mematuhi semua kehendak Akta Perancang Bandar dan Desa serta garis panduan piawaian perancangan perumahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

(b) Bahagian 2: Standard Rekabentuk - memberi penekanan kepada standard-standard yang perlu dipatuhi bagi memastikan setiap unit rumah yang dihasilkan berfungsi untuk didiami. Ianya merangkumi pematuhan kepada semua kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam yang berkuatkuasa di setiap negeri, pemakaian Standard Malaysia (Malaysian Standards), Standard Industri Pembinaan (CIS) serta garis panduan yang dikeluarkan oleh jabatan teknikal yang berkaitan dengan reka bentuk perumahan.

(c) Bahagian 3: Standard Pembinaan - meliputi penggunaan bahan dan produk di dalam CIS 26 harus menepati Standard Malaysia (Malaysian Standards), Standard Industri Pembinaan (CIS) terutama yang berkaitan dengan ciri-ciri kualiti dan keselamatan. Pembinaan dan penilaian perumahan perlu diasaskan kepada standard piawaian yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.